

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

## **HIA 101 – Pengantar Pengajian Islam**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja. **DUA [2]** soalan daripada bahagian A dan **DUA [2]** soalan daripada bahagian B. Setiap soalan membawa nilai markah yang sama.

### **BAHAGIAN A:**

1. Antara teori-teori tentang fenomena beragama ialah agama merupakan hasil pembohongan golongan elit untuk menipu masyarakat bawahan dan juga agama akan semakin terhapus apabila ilmu dan pemikiran manusia semakin maju.  
Berikan hujahan anda ke atas pandangan-pandangan ini berdasarkan dalil-dalil 'aqli dan naqli.
2. Huraikan maksud Islam dari segi bahasa dan istilah serta buktikan hakikat Islam sebagai satu cara hidup yang paling baik untuk fitrah manusia.
3. 'Aqidah Islam yang bersumberkan wahyu Ilahi tidak boleh disamakan dengan ideologi atau teori.  
Huraikan TIGA perbezaan antara aqidah Islam dengan ideologi serta bincangkan TIGA contoh keistimewaan 'aqidah Islam.

4. Satu dari tanda-tanda kebenaran al-Qur'an ialah mukjizatnya. Berikan maksud mukjizat dari segi bahasa dan istilah serta huraikan LIMA aspek mukjizat al-Qur'an.

**BAHAGIAN B:**

5. Undang-undang Allah merupakan sebuah perundangan yang mutlak dan tidak dapat dipertikaikan lagi dari pelbagai aspek. Ia menjadi sumber perundangan individu, keluarga, masyarakat dan negara. Berdasarkan pernyataan ini, bincangkan DUA (2) daripada berikut:
  - [a] Syari'at Allah sebagai dasar undang-undang negara.
  - [b] Falsafah perundangan Islam menjamin keselamatan individu dan masyarakat.
  - [c] Peranan para fuqaha' dalam merealisasikan undang-undang Islam.
6. Umat Islam dituntut mempelajari syari'at Islam dengan tujuan mempraktikkan syari'at berkenaan dalam kehidupan. Berdasarkan pernyataan ini bincangkan DUA (2) daripada berikut:
  - [a] Undang-undang keluarga Islam yang meliputi pendidikan dan ibadah.
  - [b] Perlaksanaan syari'at Allah dalam konteks sosial dan ekonomi.
  - [c] Perlaksanaan ibadah-ibadah khusus sebagai teras pembinaan akhlak.
7. Akhlak dan nilai-nilai murni adalah satu tahap tertinggi yang terbina dari hasil ibadah yang baik. Ia juga merupakan suatu tuntutan fardu 'ain ke atas setiap individu. Bincangkan.